

Headline	Debat ketum		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	62	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	391 cm <sup>2</sup>
Journalist	Asmah Rusman	AdValue	RM 15,344
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,032



# Debat ketum

TENGGU Zulpuri (tengah) bersama Dr Abd Latif (dua dari kiri) melawat gerai pameran MAPSIS.

## ■ Kerajaan panggil semua pihak berkepentingan bincang nilai kepada sektor perubatan

Asmah Rusman  
cnews@nstp.com.my

### Kuala Lumpur

**P**erbincangan secara terbuka dengan pelbagai pihak berhubung isu penanaman dan penggunaan ketum di negara ini akan diadakan dalam masa terdekat sebelum dibawa ke Parlimen.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Tengku Zulpuri Shah Raja Puji berkata, beberapa siri perbincangan akan dibuat bersama pihak berkepentingan antaranya pengeluar, Kementerian Kesihatan, Institut Pe-

nyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), badan bukan kerajaan (NGO) dan beberapa agensi lain bagi mengenal pasti sejauh mana kebaikan dan keburukan ketum.

“Perkara ini perlu dibincangkan secara bersama dan tidak salah sekiranya ia diperdebatkan...kementerian juga terbuka dalam melihat sejauh mana ketum memberi manfaat kepada negara khususnya sektor perubatan.

“Kita jangan melihat ha-

nya dari sudut keburukan kerana apa pun dalam perubatan...seperti demam doktor bagi sukatan tiga biji paracetamol sehari dan kalau diambil lebih maka ia memburukkan pesakit...sama juga seperti ketum.

“Kita juga perlu melihat ketum ini membawa kebaikan dari sudut kemajuan dalam ilmu perubatan berasaskan tumbuhan dan herba yang mempunyai potensi pasaran sangat meluas,” katanya selepas merasmikan Seminar Tumbuhan Ubatan dan Beraroma ke-15 (MAPS15) di FRIM, Kepong, semalam.

Beliau berkata, FRIM mampu menjadi badan yang membantu kementerian dalam penyelidikan dan pembangunan berkaitan tumbuhan dan pokok bagi menambah pendapatan negara.

“Sebelum ini kita tidak serius dan kurang berminat tapi kalau kita serahkan kepada mereka yang memang ada minat, saya percaya orang itu pasti ada ilmu dan pengetahuan.

“Dari segi pasaran, bidang berasaskan tumbuhan ini sangat besar dan meluas. Jadi tidak salah kita majukan kajian tumbuhan ini supaya Malaysia dapat dikenali di peringkat antarabangsa,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, Malaysia perlu menjaga hasil bumi dan sumber asli dengan menjadi negara pelopor tanaman dan kajian serta memegang paten tumbuhan berkenaan.

“Kami lihat ketum ini yang menjadi pemegang paten adalah Jerman dan Taiwan sedangkan mereka bukan negara yang menanam dan mengeluarkan,” katanya.

**FAKTA**  
Lihat sudut kemajuan dalam ilmu perubatan berasaskan tumbuhan dan herba